

BAB I

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Peristilahan adalah satu bidang yang luas dalam konteks kemajuan sesuatu bahasa. Masyarakat yang maju akan mempunyai kepelbagaiian bidang dalam peristilahan. Dalam era kemajuan bahasa yang berkembang mengikut zaman ia tidak dapat lari dari kemasukan bahasa asing yang semakin lama semakin sebati dalam bahasa tersebut. Namun kebebasan bahasa asing dalam bidang peristilahan adalah terkawal mengikut ruang lingkup penggunaannya dalam menentukan sesuatu makna dan bidang yang digunakan.

Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai satu badan yang bertindak mengawal keharmonian dan keselarasan bahasa serantau telah menukuhkan Jawatankuasa Istilah bagi menilai aspek peristilahan yang semakin lama semakin luas keperluannya. Pembentukan istilah dibuat dengan berhati-hati serta hasil dari penilaian yang teliti mengikut sesuatu bidangnya yang tertentu. Di antara bidang-bidang itu terhasilah Istilah Agama Islam. Semua istilah yang didapati dalam bidang itu berasal dari bahasa Arab tulen dan ini jelas menunjukkan hubungannya yang kuat dengan bahasa sumber itu dan hubungan langsungnya dengan agama Islam itu sendiri

Dengan itu, kajian ini memperlihatkan peminjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu yang telah digunakan secara langsung sebagai istilah fiqh dalam sebuah kitab lama yang diberi nama “Majalah Ahkām Johor” yang telah diterbitkan pada tahun 1913M. Kita akan dapat melihat bahawa sektor peminjaman dalam peristilahan bukanlah sesuatu yang baru dan kemasukannya dipengaruhi oleh faktor-faktor yang tertentu. Nyatalah pertembungan kedua-dua bahasa telah menghasilkan sesuatu yang dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua bangsa tersebut.

Majalah Ahkām Johor ialah sebuah kitab lama yang mengandungi hukum-hukum syari’ah dan permasalahannya yang bertulisan Jawi. Menurut Tasnim Mokhtar dan Badrulzaman Abd Hamid (1995:339) tulisan Jawi yang menggunakan huruf-huruf Arab ini telah dibawa masuk ke alam Melayu bersama-sama kedatangan Islam. Sehubungan dengan itu tidak hairanlah kita dapat melihat persamaan yang jelas beberapa istilah yang kita tulis dengan tulisan Jawi sama bentuk dengan tulisan pada bahasa sumber itu. Tidak kurang juga beberapa perubahan disebabkan oleh penyesuaian ejaan seperti yang telah digariskan oleh Pendeta Za’ba dalam Daftar Ejaan Melayu Jawi-Rumi (1949:35).

Semoga dengan kajian ini kita dapat mengambil faedah semaksima mungkin dalam memperkayakan ilmu dan bahasa dengan melihat ketinggian bahasa Arab sebagai bahasa al-Qurān yang terdapat dalam bahasa ibunda kita.

1.1 LATARBELAKANG KAJIAN

Kajian ini adalah cetusan idea daripada kajian Saudara Awang Mohamad Amin (1993:49) di mana beliau telah mengkaji kaedah sebutan kata pinjaman Arab

yamg berbeza dengan sebutan asal bahasa al-Quran itu. Dalam kajiannya, beliau mendapati sebilangan pelajarnya tidak dapat menyebut dengan fasih beberapa kata pinjaman Arab berpandukan transliterasi Rumi dan menyebut mengikut kadar sebutannya yang termampu. Walau bagaimanapun kajian beliau adalah secara umum dan tidak menyentuh bidang peristilahan tertentu

Kajian ini juga adalah rentetan daripada kajian beberapa pengkaji terdahulu yang mengkaji kitab-kitab lama seperti Prof. Asmah Hj. Omar (1991) yang mengkaji teks Melayu *'Aqāid an-Nasafi'*, Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah (1991) "Mengenal Pelbagai Peristilahan Fekah dan Gaya Bahasa Dalam Kitab *Bughyat at-Tullāb*", kajian Mat Rofa Ismail (1995:723) mengenai "Bahasa Melayu Bahasa Ilmiah : Penulisan Teks Klasik Ilmu Fekah Dalam Bahasa Melayu" dan beberapa kajian lain yang melibatkan kitab-kitab fiqh yang berbahasa Melayu seperti *al-Širāt al-Mustaqqīm* karangan Nur ud-Din al-Raniri, *Maṭla`al-Badrain wa Majma`al-Bahrain* karangan Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani, *al-Riād al-Wardiyyah fi uṣūl at-Tauḥīd wal-furū` al-Fiqhiyyah* karangan Abdul Latif al-Khatib dan banyak lagi.

Kebanyakan kajian-kajian yang dijalankan melibatkan isu bahasa Melayu sebagai ilmu untuk menyampaikan ilmu fiqh dan pengaruh bahasa Arab dalam bahasa Melayu serta aspek peminjaman yang ketara pada peristilahan fiqh. Namun yang demikian tidak ada lagi kajian khusus terhadap peristilahan pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu di dalam tulisan Jawi seperti yang penulis ingin cuba ketengahkan ini.

Puteri Roslina Abd Wahid dalam kajiannya yang bertajuk "Peminjaman Kata Dalam Peristilahan Undang-Undang Bahasa Melayu"(1994) pula lebih fokus ke arah

istilah undang-undang bahasa Melayu dan melihatkan semua pengaruh bahasa asing yang terdapat dalam istilah-istilah terbabit.

Semoga kajian ini membuka jalan kepada pengkaji seterusnya yang berminat dalam bidang ini khususnya dalam meninggikan bahasa al-Quran sebagai sumber ilmu syari'ah dan memperkemaskan lagi bidang peristilahan yang diterajui oleh Jawatankuasa Istilah pimpinan Dewan Bahasa dan Pustaka.

1.2 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengupas peristilahan bahasa Arab yang digunakan secara langsung dalam bahasa Melayu. Ini melibatkan beberapa perkara iaitu:

1. Untuk mendedahkan kepada umum bahawa peminjaman istilah bahasa Arab dalam bahasa Melayu bukanlah sesuatu yang baru malah sejak kedatangan pedagang Arab yang menyebarkan agama Islam di Tanah Melayu.
2. Untuk memberikan pendedahan bahawa negeri Johor adalah negeri terawal di Malaysia yang mempunyai perlumbagaan Islam yang bertulis sekaligus menggunakan istilah-istilah bahasa Arab ini di bidang penulisan dalam sektor agama.
3. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti beberapa perubahan dan perbezaan ejaan yang terdapat di antara istilah pinjaman dengan ejaan dalam bahasa asal sedangkan ia menggunakan sumber huruf yang sama iaitu huruf-huruf Arab.

4. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk melihat proses pembentukan istilah yang digunakan terhadap istilah bahasa Arab yang dipinjam di dalam kitab kajian.
5. Untuk menggalakkan pelajar bahasa Arab menulis serta menyebut kata dan istilah pinjaman dengan betul di samping mengetahui ejaan serta sebutan sebenar.

1.3 BIDANG DAN BATASAN KAJIAN

Bidang dan batasan dalam kajian ini melibatkan dua skop utama, iaitu :

- i. Majalah Ahkam Johor 1913M; dan
 - ii. Peminjaman istilah bahasa Arab dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam kitab tersebut.
- i) Majalah Ahkam Johor 1913M

Kajian ini melibatkan teks Majalah Ahkam Johor yang pernah terkenal sebagai rujukan utama dalam perlembagaan syari'ah di negeri Johor beberapa dekad yang lampau. Ia diterbitkan pada tahun 1913 Masihi oleh Jabatan Agama Johor di mana mufti pada masa itu ialah al-marhum Dato' Abdul Kadir bin Muhsin Al-'Attas. Beliaulah yang bertanggungjawab dalam kerja-kerja terjemahan dan mengesahkan kitab tersebut untuk digunakan dalam perundangan syari'ah Kerajaan Johor masa itu (lihat lampiran). Menurut Dr. Abdul Jalil bin Borham (1994:48) Majalah Ahkām Johor ialah terjemahan daripada kitab asalnya yang berbahasa Arab iaitu *Majalah al-Ahkām al-'Adliyah* yang diasaskan di Turki di bawah kerajaan 'Uthmāniah pada

tahun 1869 Masihi. Kitab tersebut turut disebutkan dalam buku Fatwa Dalam Perundangan Islam karangan Dr. Othman bin Haji Ishak (1981:30)

Walaupun kitab ini bukanlah terbitan awal tulisan Jawi yang mempunyai sejumlah besar kata pinjaman Arab, namun ia merupakan satu contoh usaha Kerajaan Johor dalam melaksanakan perundangan Islam di negeri itu dengan memperkenalkannya sebagai rujukan utama. Pada masa itu, tidak ada sebuah negeri di Tanah Melayu yang mempunyai perlembagaan Islam yang bertulis. Di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar, negeri Johor muncul sebagai perintis ke arah itu dengan menjadikan Islam sebagai agama negeri (Abd Jalil bin Borham, 1994:48 dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, Fasal 57) (lihat lampiran) Kitab yang bertulisan Jawi ini mengandungi hukum-hukum syari`ah Islam dengan mengekalkan istilah-istilah bahasa Arab yang tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Kitab ini samalah seperti naskhah-naskhah dan karangan lama yang lain yang menggunakan judul dalam bahasa Arab tetapi kandungannya berbahasa Melayu yang bertulisan Jawi seperti *Tuhfat an-Nafis*, *Sulalatus-Salatin*, *Bustanu us-Salatin*, *'Aqa'id an-Nasafi*, *Ma'la'al-Badrain* dan lain-lain lagi. Ini adalah bukti jelas pengaruh Arab dan kedatangan Islam di Tanah Melayu.

ii) Peminjaman istilah bahasa Arab

Oleh kerana Majalah Ahkam Johor ialah sebuah kitab fiqh yang melibatkan hukum-hukum syari`ah, makatumpuan kajian terbatas kepada peristilahan yang dipinjam dari bahasa Arab sahaja yang digunakan dalam ayat Melayu di dalam kitab tersebut. Ini kerana istilah-istilah bahasa Arab mempunyai bidang yang luas seperti

tauhid, uṣūl al-fiqh, tafsīr, uṣul al-tafsīr, hadīth, muṣṭalah hadīth, tajwīd dan taṣawuf.

Kitab yang berdasarkan tulisan Jawi ini memperlihatkan sejumlah besar istilah pinjaman yang berasal dari bahasa Arab. Istilah-istilah terbabit diteliti dan dianalisa kepada beberapa keadaan hasil dari pengamatan penulis sendiri.

1.4 MASALAH KAJIAN

Beberapa masalah berkaitan telah ditemui dalam usaha untuk menyiapkan disertasi ini. Antaranya :

1. Masalah utama penulis ialah kerumitan dalam membuat penilaian dan analisis terhadap peristilahan pinjaman bahasa Arab yang dijumpai di dalam Majalah Ahkām Johor. Ini berlaku kerana kitab lama itu mempunyai 361 muka surat, dan mempunyai perkataan pinjaman dari bahasa Arab dalam jumlah yang besar, iaitu lebih daripada 200 patah perkataan. Kerumitan timbul dalam kerja-kerja analisa lebih-lebih lagi ketika membuat perbezaan tulisan dan makna istilah-istilah dari kedua bahasa, iaitu dalam struktur ayat bahasa Melayu dengan bahasa asal. Kerja-kerja menyenarai juga memakan masa yang lama kerana terpaksa melihat helai demi helai dan baris demi baris.

2. Memandangkan penulis menetap di Johor Bahru, beliau terpaksa berulang-alik ke Kuala Lumpur kerana rujukan yang terhad di sana. Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba dan Perputakaan Bahasa di Fakulti Bahasa dan Linguistik adalah tumpuan utama penulis ketika membuat rujukan di samping beberapa

perpustakaan lain seperti Perpustakaan Sultan Ismail dan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor di Johor Bahru serta Perpustakaan Awam Pasir Gudang, Johor.

3. Waktu yang padat yang dialami oleh penulis serta karier sebagai seorang pendidik di salah sebuah Sekolah Menengah Agama di Johor Bahru disamping kehidupan berkeluarga bersama anak-anak itu amat sukar untuk membahagikan masa dengan baik dalam penulisan disertasi ini.

Walau bagaimanapun masalah-masalah ini diharungi dengan sabar dan tabah kerana penulis menyedari ini adalah bingkisan ilmu yang dititipkan oleh Allah dan amanah yang perlu dijunjung hingga ke noktah yang terakhir.

1.5 METODOLOGI KAJIAN

Oleh kerana kajian berkisar mengenai peminjaman istilah bahasa Arab di dalam kitab tertentu maka penulis tidak memerlukan kajian bentuk soal selidik sebaliknya penumpuan diberikan ke arah penelitian terhadap dokumen dan data itu sendiri. Bagi menyiapkan disertasi ini, penulis menggunakan dua jenis metodologi, iaitu :

- i) Kepustakaan
- ii) Analisa data

i) **Kaedah kepustakaan**

Kaedah ini digunakan untuk mengkaji maklumat berkaitan dengan disertasi menggunakan bahan utama yang terlibat dari pakar-pakar bahasa. Pengumpulan data dan maklumat yang dibuat melibatkan buku-buku bahasa dan linguistik, kajian dan latihan ilmiah, majalah dan jurnal, kamus-kamus lama dan baru dan sebagainya. Maklumat daripada bahan rujukan dirumus dengan teliti untuk dijadikan isi kajian di samping mengekalkan petikan-petikan tertentu sekiranya perlu berbuat demikian.

ii) **Analisa data**

Dengan kaedah ini, pengkaji mengenal pasti bahan kajiannya dan menganalisa bahan tersebut dengan teliti. Ketelitian dalam menganalisa memerlukan pengamatan yang baik dan maklumat yang mencukupi berdasarkan rujukan-rujukan utama sebagai asas kajiannya. Kerja-kerja menganalisa bermula dari pengumpulan data-data yang berkaitan. Data yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah istilah-istilah yang berasal dari bahasa Arab yang terdapat dalam kitab Majalah Ahkām Johor 1913M. Setelah data dikumpulkan barulah kerja menganalisa dapat dijalankan. Analisa dilakukan dengan melihat keseragaman istilah dengan proses pembentukannya dan membandingkan ejaan di dalam kitab kajian dengan ejaan di dalam bahasa asalnya.

1.6 **KEPENTINGAN KAJIAN**

Dalam menjayakan kajian ini, penulis dapat melihat beberapa kepentingan yang boleh dikongsi bersama. Ini kerana Istilah Agama Islam yang dianalisa di

dalam kajian ini tidak terhad kepada golongan tertentu sahaja malah penggunaannya yang meluas menjadikannya tidak asing sama sekali dalam masyarakat kita hari ini. Dengan demikian, kepentingan kajian ini dapat dirumuskan kepada golongan berikut :

- i. *Pengkaji bahasa* dapat menggunakan kajian ini sebagai salah satu sumber kajian mereka di dalam aspek peristilahan dan peminjamannya dari bahasa asing, faktor-faktornya, unsurnya dan perubahan yang berlaku.
- ii. Dengan kajian ini para *pelajar* yang sedang mengikuti kajian bahasa dapat mengetahui perubahan dan pembentukan kata bahasa asing yang diambil dan digunakan secara langsung dalam bahasa Melayu. Ia juga memberi pendedahan kepada mereka dalam aspek sebutan yang sempurna dan yang kurang sempurna dengan sebutan asal.
- iii. Bagi rumpun *masyarakat yang berbahasa Melayu*, mereka dapat mengetahui asal usul istilah-istilah terbabit dan keberkesanan penggunaannya di dalam kehidupan sosial memandangkan ianya telah sebatasi dalam perbualan sehari-hari.

1.7 RANGKA KAJIAN

Secara amnya, kajian ini mempunyai lima bab utama dan setiap bab mempunyai tajuk-tajuk kecil di bawahnya. Bab pertama yang lebih dikenali sebagai bab pendahuluan merupakan muqaddimah kepada kajian. Seperti kajian-kajian lain, di dalamnya memuatkan asas-asas penulisan kajian seperti latar belakang kajian,

metodologi kajian, beberapa tujuan mengapa kajian ini dibuat, kepentingan kajian ini dilakukan dan organisasi atau rangka kajian.

Seterusnya, bab yang kedua memperlihatkan tinjauan yang berkaitan dengan isu kajian yang melibatkan dua unsur utama, iaitu peristikahan dan peminjaman. Dalam bab ini, definisi kedua-dua unsur diberikan serta pendedahan mengenai keperluan istilah serta teori asas peristikahan. Bab ini juga memperlihatkan peminjaman dari aspek linguistik, keperluan peminjaman dalam kerja-kerja peristikahan serta isu peristikahan agama yang telah dihasilkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bab yang berikutnya menjelaskan tentang hubungkait istilah yang dimaksudkan dengan bahasa asalnya, iaitu bahasa Arab. Bab yang bertajuk “Bahasa Arab Sebagai Sumber Utama Istilah Agama Islam” ini mengetengahkan pengaruh kedatangan Islam di Malaysia secara ringkas serta pengaruh bahasa Arab itu sendiri dalam bahasa Melayu. Ini diikuti dengan perkembangan tulisan Jawi di negeri Johor dan yang terakhir fokus kepada tulisan Jawi di dalam Majalah Ahkam Johor.

Bab seterusnya, iaitu bab keempat menjadi tunggak kajian ini dengan memuatkan penemuan kajian daripada data yang telah dikumpulkan daripada Majalah Ahkam Johor. Kajian mengasingkan perkataan yang dimasukkan dalam kategori Istilah Agama Islam dan yang bukan menjadi istilah agama Islam. Seterusnya kajian mendedahkan penemuan analisa yang dibuat terhadap istilah-istilah terbabit dan mengasingkannya kepada beberapa kategori lain. Ia terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Perbezaan Bentuk Tulisan Antara Kedua Bahasa,

Pembentukan Peminjaman Istilah Bahasa Arab Dalam Majalah Ahkām Johor serta Persamaan dan Perbezaan Makna Antara Istilah Dalam Kedua Bahasa.

Di dalam bab penutup juga yang terakhir, penulis mengakhiri kajian dengan memberikan kesimpulan melalui dapatan kajian. Dapatan ini adalah rumusan secara keseluruhan terhadap kerja-kerja analisa yang dijalankan terhadap Majalah Ahkām Johor. Beberapa cadangan juga diberikan untuk kajian seterusnya. Semoga ia dapat memberikan manfa`at yang dapat digunakan bersama di masa akan datang khususnya di dalam peristilahan, Insya Allah.